



“
Sejak awal tahun lalu IMI menjalin kerjasama rapat dengan kerajaan bagi menyediakan sokongan latihan dalam kalangan rangkaian kolej komuniti di seluruh negara, dengan penekanan terhadap kenderaan elektrik dan hibrid, sejajar matlamat negara untuk menjadi hab EEV”

Steve Nash,
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Industri Motor

Hab latihan serantau kenderaan elektrik

» *Potensi berdasarkan usaha kerajaan jadikan Malaysia pusat EEV di Asia Tenggara*

Oleh **Ahmad Fiesal Othman**
fsal@bh.com.my

Malaysia mempunyai potensi kukuh untuk menjadi hab latihan utama serantau bagi kenderaan elektrik kerana ia berada di hadapan berbanding negara lain di rantau ini dalam aspek penerimaan terhadap kenderaan elektrik.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Industri Motor (IMI), Steve Nash, berkata potensi kukuh itu berdasarkan usaha serius kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai pusat kenderaan cepak tenaga (EEV) di Asia Tenggara.

Katanya, sejak awal tahun lalu IMI menjalin kerjasama rapat dengan kerajaan bagi menyediakan sokongan latihan dalam kalangan rangkaian kolej komuniti di seluruh negara, dengan penekanan terhadap kenderaan elektrik dan hibrid, sejajar

matlamat negara untuk menjadi hab EEV.

“Ketika ini, ada 264 juruteknik EEV terlatih di Malaysia dan beberapa kolej komuniti juga menjadi pusat latihan yang mendapat kelulusan IMI untuk melatih juruteknik dengan kepakaran baharu EEV,” katanya pada persidangan IMI bertajuk ‘Meningkatkan Kepakaran Untuk Memenuhi Keperluan Industri’ di Kuala Lumpur, semalam.

24 pusat latihan

IMI yang berpangkalan di United Kingdom (UK) ialah badan berwibawa utama sektor kereta runcit yang membantu meningkatkan mutu profesional bagi sektor permotoran runcit.

Ia menawarkan lebih 250 kelayakan serta akreditasi tekni-

kal dan bukan teknikal menerusi 560 rakan kongsi latihan di lebih 13 negara seluruh dunia.

Di Malaysia, IMI mempunyai 24 pusat latihan yang menawarkan kelulusan badan itu membabitkan kolej komuniti, syarikat automotif seperti Nasim Sdn Bhd, Bermaz Motor Sdn Bhd dan organisasi pendidikan seperti kolej automotif yang mana secara purata 1,500 calon dilatih setahun di organisasi terbabit.

Peningkatan kesedaran

Nash berkata, permintaan terhadap kenderaan elektrik atau hibrid semakin meningkat berikutan teknologinya semakin canggih, selain peningkatan kesedaran orang ramai terhadap kenderaan menggunakan bahan api pilihan.

Beliau berkata, skenario itu juga menyaksikan lebih ramai juruteknik EEV terlatih diperlukan kerana ia membabitkan pekerjaan berkaitan sistem voltan elektrik untuk kenderaan yang memerlukan kepakaran tinggi.

“Kami sedang mencari rakan usaha sama di Malaysia untuk membangunkan satu daripada versi terbaru kelayakan IMI, iaitu Anugerah L4. Kelayakan ini bagi mengenal pasti, menguji dan membaiki komponen dan kenderaan EEV atau hibrid yang membolehkan juruteknik membaiki kenderaan elektrik atau hibrid,” katanya.

FAKTA NOMBOR

560
rakan kongsi

latihan di 13 negara